

KESAN JUDI PADA DIRI DAN KELUARGA 11 JAMADIL AKHIR 1443H / 21 JANUARI 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam memerintahkan umatnya supaya mendapatkan rezeki daripada sumber yang halal, dan memakan daripada benda-benda yang baik dan suci. Dilarang sama sekali kita mendapatkan sumber rezeki daripada jalan yang tidak halal seperti judi. Dalam bahasa Arab judi disebut sebagai 'Al-Maisir'. Al-Maisir yang bermaksud suatu

bentuk permainan yang menggunakan wang dan lain-lain sebagai taruhan dan orang yang menang dalam permainan itu akan mendapat taruhan tersebut. Agama Islam telah mengharamkan semua unsur perjudian sama ada melalui permainan, hiburan dan sebagainya kerana judi adalah perbuatan keji, perbuatan syaitan serta berdosa besar. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Maidah ayat 90 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلٍ

الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman, Sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk daripada perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat kejayaan.*”

Sesungguhnya syaitan mempergunakan amalan berjudi itu sebagai tempat untuk menimbulkan permusuhan dan kebencian antara manusia, juga menjadi penghalang pelakunya daripada mengingat Allah Subhanahu Wa taala dan daripada menunaikan solat. Firman Allah Subhanahu wa-taala dalam surah al-Maidah ayat 91 ;

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ

وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu lantaran (meminum) arak dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingat Allah dan solat; maka berhentilah kamu (daripada mengerjakan perbuatan itu)*”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Sungguh pun Islam telah mengharamkan judi, namun masih ada dalam kalangan orang Islam yang ingkar dan melakukan perbuatan yang haram ini, seperti membeli tiket loteri atau nombor ekor yang dilakukan semata-mata dengan menyangka akan mendapatkan wang yang banyak melalui jalan mudah dan ingin cepat kaya. Judi merupakan satu penyakit masyarakat yang berbahaya jika dibiarkan kerana ia merupakan gejala penyakit yang merosakkan kehidupan, bukan sahaja kepada orang yang berjudi itu tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara. Orang yang terpengaruh dengan judi, hati mereka tertutup dan buta menyebabkan mereka sanggup melakukan apa sahaja demi memuaskan hati agar segera dapat wang

untuk dijudikan. Judi juga mengakibatkan orang menjadi malas berusaha, tamak dan rakus, hasad dengki serta dendam. Judi juga boleh menimbulkan persengketaan dan pergaduhan serta hilang harta benda dan tiada maruah yang akhirnya pula boleh membawa manusia menjadi papa kedana, mengabaikan tanggungjawab terhadap anak isteri, masyarakat, negara dan lebih buruk lagi tanggungjawab terhadap perintah Allah Subhanahu wa-Taala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Abu Daud:

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَيَّ ، أَوْ حُرِّمَ الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْكُوبَةُ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atasku, atau diharamkan arak, judi, al-kubah (sejenis permainan yang menggunakan papan, buah dadu, juga dikenali sebagai tabal atau nard).”*

Oleh itu, janganlah hampiri judi kerana ia suatu perbuatan yang boleh menjadikan pelakunya merasa ketagih dan sukar untuk meninggalkannya. Judi adalah kerja maksiat. Wang yang diperolehi daripada judi adalah haram, tidak boleh digunakan apatah lagi jika digunakan untuk makan minum anak isteri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan kepada kita setiap suap yang dimakan dari sumber yang haram itu, api neraka adalah lebih utama baginya. Berhati-hatilah dalam mencari rezeki, carilah yang halal. Jauhkan diri dari perkara-perkara yang haram dan syubhah. Bersyukurlah, walaupun rezeki hanya sedikit, asalkan halal dan

mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa-Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 168:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ

الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; karena Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .